0029
B 0354 BAH
MAHATHIR - PEMBANGUNAN &'&'&'

KUALA LUMPUR, 1 DIS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MAHU SEMUA PEGAWAI DAERAH DAN PEMIMPIN POLITIK TEMPATAN MEMAHAMI TUGAS MASING-MASING DEMI MEMPERCEPATKAN PROSES PEMBANGUNAN NEGARA.

BELIAU BERKATA BAGI MEWUJUDKAN PERKHIDMATAN YANG LEBIH BERKESAN, PEGAWAI DAERAH DAN WAKIL-WAKIL RAKYAT TEMPATAN PERLU MEMPUNYAI PERSEFAHAMAN TENTANG HAD TUGAS DAN PERANAN MASING-MASING.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENGADAKAN PERJUMPAAN KHAS PERTAMA DENGAN PEGAWAI-PEGAWAI DAERAH DARI SELURUH NEGARA SELAMA KIRA-KIRA EMPAT JAM DI UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN DI JABATAN PERDANA MENTERI DI SINI HARI INI.

SEHUBUNGAN DENGAN ITU, BELIAU ATAU TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA AKAN MENJELAJAH KE SELURUH DAERAH MULAI 19 DIS INI UNTUK MENEMUI PEGAWAI DAERAH DAN PEMIMPIN POLITIK TEMPATAN SERTA MENGETAHUI PERKEMBANGAN PEMBANGUNAN DI DAERAH-DAERAH.

KATANYA, DAERAH PERTAMA YANG AKAN DILAWATINYA UNTUK TUJUAN ITU IALAH HULU SELANGOR. --LAGI
1440MST 01 12 88

0043
U 0362 BAH
MAHATHIR - PEMBANGUNAN 2 KUALA LUMPUR &&&

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KALAU BERLAKU KETIDAKFAHAMAN DI ANTARA KEDUA PIHAK INI SUDAH TENTU AKAN BERLAKU KONFLIK.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, IA TIDAKLAH BEGITU SERIUS SEHINGGA PEMBANGUNAN TIDAK DAPAT DIJALANKAN SAMA SEKALI.

+KEBANYAKAN PEGAWAI KERAJAAN MENGETAHUI PERATURAN MASING-MASING DAN KALAU MEREKA ADA MASALAH DENGAN WAKIL RAKYAT TEMPATAN, KITA ADA BERSAMA UNTUK MEMBERI PENJELASAN,+ KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA PARA WAKIL RAKYAT JUGA AKAN DIBERIKAN PENJELASAN MENGENAI TANGGUNGJAWAB DAN DAN HAD KUASA YANG ADA PADA MEREKA.

BELIAU BERKATA KEDUA PIHAK KADANG-KALA KURANG FAHAM TENTANG KEUTAMAAN DALAM PEMBANGUNAN YANG MASING-MASING MEMPUNYAI PERANAN UNTUK DILAKSANAKAN.

--LAGI
1520MST 01 12 88

0045
U 8363 BAH
MAHATHIR - PEMBANGUNAN 3 KUALA LUMPUR @@@

PERDANA MENTERI BERKATA MEREKA KADANG-KADANG TIDAK DAPAT BEZAKAN TENTANG PELAKSAMA RANCANGAN DENGAN PEMBENTUK DASAR.

BELIAU BERKATA PERKARA INI DITIMBULKAN DALAM PERJUMPAAN HARI INI DAN PIHAKNYA TELAH MEMBERIKAN PENJELASAN MENGENAINYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TUJUAN PERJUMPAAN ITU IALAH UNTUK MEMBERIKAN PENJELASAN KEPADA 125 ORANG PAGAWAI DAERAH DARI SELURUH NEGARA TENTANG KEKELIRUAN MAKLUMAT YANG DISAMPAIKAN OLEH PIHAK-PIHAK TERTENTU.

KATANYA, KETIKA KERAJAAN MENJALANKAN PEMBANGUNAN TERDAPAT PIHAK-PIHAK YANG MEMBERIKAN MAKLUMAT SECARA SENGAJA UNTUK MNGELIRUKAN PAGAWAI-PEGAWAI DAERAH SEHINGGA MEREKA KADANG-KADANG PERCAYA BAHAWA TINDAKAN KERAJAAN ITU SALAH DAN DAN TIDAK MENGUNTUNGKAN RAKYAT.

INI SUDAH TENTU SEDIKIT SEBANYAK AKAN MENJEJASKAN PERSTASI PENCAPAIAN MEREKA, TAMBAHNYA. -- LAGI
1324MST 01 12 88

0046
U 8364 BAH
MAHATHIR - PEMBANGUNAN 4 KUALA LUMPUR @@@

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERJUMPAAM ITU JUGA MEMBERIKAM PELUANG KEPADA BELIAU MENERANGKAM KEPADA MEREKA SEGALA PERUBAHAN YANG BERLAKU DI DALAM, LUAR NEGERI DAN DI DAERAH-DAERAH.

SEHUBUNGAN DENGAN ITU, PERDANA MENTERI MEMINTA MEREKA MELAKSANAKAN TUGAS SESUAI DENGAN PERUBAHAN DAN PERKEMBANGAN YANG BERLAKU DI SEKITARNYA.

KATANYA, DENGAN BERBUAT DEMIKIAN IA AKAN MENDATANGKAN FAEDAH KEPADA PEMBANGUNAN RAKYAT DAN NEGARA. --BERNAMA
1325MST 01 12 88

0054